Grooming, unfortunately, can come across as affectionate, but it can gradually lead to exposing the child to harmful and criminal behaviour such as sexually explicit messages. Over time, the groomer may resort to controlling or threatening the child to comply with image requests, instilling a fear that silences them from reporting abuse.

Adds Jayamalar: "Child groomers sometimes form relationships with the child's family members. Such act leads to them having access to the child."

Nazreen says: "Once abuse begins, the offender uses tactics like secrecy, blame or threats to maintain control and keep the child silent.

"It manipulates the child into believing the relationship is normal or acceptable, which can lead to abuse that the child may not immediately recognise as wrong. This manipulation often prevents the child from reporting the abuse or seeking help," says Nazreen.

**How rampant is grooming?**

Children often don't tell anyone (or are told not to tell anyone) when grooming happens so it is hard to determine the extent of the problem other than when it is exposed.

**How can children be protected?**

Nazreen says parents play a crucial role in safeguarding their children against crimes like unauthorised recording; it is important they understand the laws that protect children and safeguard their right to privacy.

"Parents should familiarise themselves with the laws about the consent required for recording images and videos of minors, which vary depending on contexts such as in schools, public spaces or online. Recording a child without explicit consent of the guardians or in a potentially exploitative manner is typically illegal," says Nazreen.

"Parents should also be mindful of how to respond if they suspect their child has been recorded without consent. This includes contacting the police for suspected criminal activity, reaching out to child protection services at the Social Welfare Department (JKM) if a child's safety is at risk, informing school officials if the incident happens at school or using online platforms' reporting features to flag and remove inappropriate content," she adds.

**How do we empower children?**

Jayamalar urges parents to educate their children on what healthy boundaries are, as well as "good touch" and "bad touch".

They must create a safe space for children to come forward and tell them if they feel uncomfortable, or confused or if their boundaries have been violated.

"It can be difficult to spot perpetrators because not all perpetrators are strangers; they can also be people known to them. Parents should also pay attention to what their child is trying to say, especially young children who have a limited vocabulary (to articulate what they are experiencing)," she says.

Teaching children about body boundaries includes helping them understand which body parts are private, and who can touch them and under what circumstances. Doing this will give them power over their own bodies.

Adults too, must learn the importance of honouring children's boundaries.

"Educating children about personal safety and privacy should be integral to their upbringing. Parents can access community and online resources by organisations dedicated to children's rights and online safety," says Nazreen.



Graphic: Vecteezy

**What are behaviours in children to look out for?**

Parents should be cautious of any adult who tries to bypass parental consent to gain direct access to the child, says Nazreen. Other signs that parents can look out in their child are:

- Being secretive, including about what they are doing online or whom they are going to meet
- Has older boyfriends or girlfriends
- They can't or won't explain how they got new things
- Regularly misses school, tuition classes or appointments with friends
- Is withdrawn, anxious or depressed
- Has access to drugs and/or alcohol

**Is grooming illegal?**

Yes, it is, says Nazreen.

"The Sexual Offences Against Children Act 2017 includes provisions that make it a crime to use electronic means to communicate with a child for the purpose of committing a sexual offense. It is designed to protect children from being preyed upon and exploited, particularly in the digital environment where grooming often begins discreetly and can escalate rapidly.

"The act is part of Malaysia's broader commitment to safeguard children from sexual abuse and exploitation, reinforcing legal protection against such behaviours," she says.

**What are other laws that protect children from exploitation, and safeguard their well-being and rights?**

According to Nazreen, Malaysia has several laws that are applicable in cases involving exploitation of children.

- Child Act 2001 (Act 611): This act provides for care, protection and rehabilitation of children. It includes specific provisions against child abuse and exploitation and can be used to address cases where children are harmed or exploited.
- Penal Code (Section 509): Pertains to the gesture or act intended to insult the modesty of any person, including using words or sounds or exhibiting any object with the intent to intrude upon the privacy of a woman.
- Section 292: Deals with the creation and distribution of obscene materials. This could apply to inappropriate recordings or photographs of children.
- Communications and Multimedia Act 1998 (Section 233): Prohibits the improper use of network facilities or network services, which includes the making, creation, solicitation, and initiation of any obscene, indecent, false, menacing, or offensive content with intent to annoy, abuse, threaten, or harass another person.
- Sexual Offences Against Children Act 2017: Provides comprehensive protection for children from all forms of sexual offenses, including grooming, physical sexual assault, and possession of child pornography. This act could apply directly to the creation or distribution of any inappropriate images or videos involving children.
- Privacy Laws: There are various provisions under the Personal Data Protection Act 2010 that protect personal data, which could be construed to include images or videos containing personal information, especially of minors.

# RT-PCR tepat kesan virus Mpox

## Mempunyai sensitiviti dan spesifisiti pada kadar 90 peratus ke atas

**Oleh TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN**
CYBERJAYA

Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA) memberi jaminan ketepatan penggunaan *Real-Time Reverse Transcription-Polymerase Chain Reaction* (RT-PCR) bagi mengesan kehadiran virus cacar monyet (Mpox), *Orthopoxvirus*.

Ketua Eksekutif MDA, Dr P Muralitharan berkata, RT-PCR pertama yang telah diluluskan pada 20 Jun lalu mempunyai sensitiviti dan spesifisiti pada kadar 90 peratus ke atas.

"RT-PCR akan berikan dapatan yang lebih tepat kerana ia mengesan asid deoksiribonukleik (DNA) virus Mpox.

"Penilaian ketat telah dilakukan oleh pihak kami bagi memastikan jaminan dan kualiti sebelum ia diluluskan penggunaan," ujar beliau ketika ditemui di pejabatnya di sini pada Khamis.

Menurutnya, RT-PCR Mpox telah dibawa masuk oleh syarikat pembekal dari Sepanyol.

"Memandangkan ia bukan dari enam negara rujukan seperti United Kingdom, Amerika Syarikat, Kesatuan Eropah, Kanada, Jepun dan Australia, maka penilaian produk tersebut yang dilakukan MDA memakan masa sehingga 30 hari," jelas beliau.

Beliau berkata, ujian klinikal RT-PCR boleh dilakukan seawal hari pertama bergejala.

"Walaupun jangkitan boleh berlaku tanpa gejala, tetapi lepuh air yang timbul pada permukaan kulit antara sampel yang digunakan dalam ujian RT-PCR.

"Selain itu, pensampelan turut dilakukan menggunakan kaedah *nasopharyngeal swab*, mengikut tahap kesihatan dan gejala pesakit," katanya.

Awal bulan ini, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengesahkan 46 kes yang disyaki virus cacar monyet atau Mpox di Malaysia adalah negatif.

Menterinya, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, hingga kini, kes Mpox di Malaysia kekal sembilan kes yang direkodkan pada akhir tahun lepas.

Kementerian itu mengambil langkah berjaga-jaga dengan melakukan saringan kesihatan terhadap pengembara di pintu masuk negara.

Setakat 16 Ogos, seramai 5.2 juta pengembara disaring di pintu masuk antarabangsa.



MURALITHARAN

Mengulas lanjut, Muralitharan berkata, ujian saringan Mpox boleh dilakukan di semua fasiliti kesihatan dan hanya dilakukan oleh golongan profesional seperti pengamal perubatan berlesen.

"Sampel kemudiannya akan dihantar ke makmal untuk dianalisis.

"Setakat ini hanya satu RT-PCR yang diluluskan iaitu *Viasure Monkeypox Virus Real Time PCR Detection*. Dua lagi RT-PCR masih dalam tempoh penilaian," katanya.

Ditanya siapa yang perlu menjalani ujian saringan tersebut, beliau menjelaskan mana-mana individu yang mempunyai sejarah perjalanan ke Afrika perlu melakukan saringan Mpox.

"Selain itu, jika mempunyai kontak rapat dengan pesakit sama ada melalui sentuhan mahupun aktiviti seksual, mereka juga perlu membuat saringan," katanya.

Pada Julai lalu, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) memberi amaran Mpox kekal sebagai ancaman kesihatan global.

Mpox pertama kali ditemui pada manusia pada 1970 di Republik Demokratik Congo dengan penyebaran subjenis Clade I.

Pada Mei 2022, jangkitan Mpox melonjak di seluruh dunia di mana kebanyakannya membabitkan lelaki gay dan biseksual dan ia adalah subjenis Clade II.

SINAR HARIAN
Tarikh: 13 SEP 2024

8H 13/9

# NAFAS perkenal 4 produk perapan di MAHA 2024

**SERDANG** - Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) memperkenalkan empat produk perapan terbaharu keluaran Peladang sempena Pameran Pertanian Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2024 yang berlangsung bermula 11 hingga 22 September ini di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS), di sini.

Pengurus Bahagian Pemasaran dan Promosinya, Syahrul Musa berkata, empat produk perapan itu terdiri daripada kambing perap, daging batang pinang perap, ayam perap dan daging harimau menangis.

Menurutnya, kesemua produk baharu itu dijual dengan harga lebih rendah berbanding di pasaran biasa iaitu RM38 untuk satu peket manakala jualan kombo RM100 untuk tiga jenis bagi mana-mana produk perapan tersebut.



"Bersempena dengan penganjuran 100 tahun MAHA kali ini, kita perkenalkan empat produk baharu untuk ditawarkan kepada pengunjung sepanjang 12 hari pameran MAHA kali ini.

"MAHA kali ini menjadi landasan untuk kita perkenalkan produk perapan ini sebelum ia memasuki pasaran di 26 peruncit atau *outlet* Petronas di sekitar Lembah Klang yang dijangka bermula Oktober ini," katanya kepada pemberita ketika di temui di Kingdom of Agrofood, di sini.

Tambah Syahrul, pihaknya menyasarkan sebanyak 2,000 peket produk perapan terjual dalam promosi pengenalan di acara dwitahunan berkenaan.

Sementara itu, NAFAS juga katanya turut menjual beberapa produk sedia di pasaran iaitu ayam potong dan ayam bulat dengan potongan harga istimewa.

Katanya, harga jualan bagi kedua-dua produk sejuk beku itu dijual pada harga RM8 iaitu penjimatan sebanyak RM2 berbanding di pasaran biasa.

Selain itu Syahrul turut memberitahu, jualan harga lebih rendah juga ditawarkan kepada pengunjung menerusi slot waktu riang atau *happy hour* yang akan dimaklumkan dari semasa ke semasa kepada pengunjung nanti.

"Bagi slot *happy hour* ini tidak meletakkan masa atau waktu tertentu, sebaliknya pengumuman akan dibuat dari semasa ke semasa dan jumlah barangan pula bergantung kepada bekalan yang ada untuk sesi *happy hour* tersebut.

"Pengunjung yang membeli ketika *happy hour* ini akan mendapat potongan harga RM2 iaitu RM6 bagi produk ayam bulat dan potong, manakala untuk produk perapan pula RM35," katanya.

Syahrul berkata, orang ramai diharap tidak melepaskan peluang untuk mendapatkan produk keluaran NAFAS ini.

"Penganjuran MAHA ini menjadi peluang terbaik untuk pengusaha tempatan termasuk NAFAS memperkenalkan produk masing-masing.

"Di pihak NAFAS, kita ambil peluang ini untuk memperkenalkan kepada masyarakat bahawa kita sememangnya ada pelbagai produk yang ditawarkan kepada orang ramai," katanya.




**Syahrul menunjukkan empat produk perapan terbaharu keluaran NAFAS yang diperkenal sempena MAHA 2024 di MAEPS, di sini.**

> *Pengunjung yang membeli ketika happy hour ini akan mendapat potongan harga RM2 iaitu RM6 bagi produk ayam bulat dan potong, manakala untuk produk perapan pula RM35."*
>
> \- SYAHRUL

SINAR HARIAN
Tarikh: 13 SEP 2024

KPKT dengan kerjasama MOT tambah baik pekeliling, kesan pemilik kenderaan tersadai

# PBT, JPJ buru dan lupus kereta terbiar

Oleh **AHMAD SHAHERMAN SHAMSURI** Kosmo 13/9



NEGERI SEMBILAN mencatatkan jumlah kenderaan terbiar atau tersadai paling banyak diambil tindakan oleh PBT iaitu 98,247 kes dari 2021 hingga tahun lalu. – GAMBAR HIASAN

**PETALING JAYA** – Pemilik yang sengaja membiarkan kenderaan mereka tersadai terutamanya di kawasan awam bakal berdepan dengan tindakan tegas termasuk dilucutkan hak bagi membolehkan kenderaan berkenaan dilupuskan.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) memberitahu, pihaknya akan bekerjasama dengan Kementerian Pengangkutan (MoT) bagi mengesan dan mengambil tindakan undang-undang ke atas pemilik kenderaan terbabit.

Menurutnya, kerjasama itu juga turut melibatkan dua agensi iaitu pihak berkuasa tempatan (PBT) dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) bagi memudah cara pelupusan kenderaan terbiar melalui penambahbaikan kepada proses pekeliling sedia ada.

"Melalui proses penambahbaikan itu, JPJ dan PBT akan dapat mempercepatkan proses pelucutan hak kenderaan terbiar sebelum proses seterusnya diambil

"Ini kerana, ia (setiap kenderaan yang mahu dilucut hak) mempunyai syarat, proses dan tempoh tertentu bagi memastikan pelucutan hakmilik kenderaan tersebut adalah sah dari sudut perundangan dan perlembagaan," katanya dalam kenyataan kepada *Kosmo!*.

Dalam pada itu, KPKT memaklumkan Negeri Sembilan mencatatkan jumlah kenderan terbiar atau tersadai paling banyak dikenakan tindakan oleh PBT dari 2021 sehingga 2023 iaitu kira-kira 98,247 kes.

Daripada jumlah itu katanya, kira-kira 96,512 kompaun telah dikenakan serta melibatkan 1,454 notis, manakala 281 kenderaan telah disita atau ditunda pihak PBT.


LAPORAN KHAS

KERETA TERSADAI CETUS MASALAH

Ibarat 'besi buruk', penduduk merungut sukar cari parkir selain halang lalu lintas

KERATAN *Kosmo!* 10 September 2024.

Tambahnya, Sabah mencatatkan jumlah kenderaan terbiar kedua paling tinggi dikenakan tindakan bagi tempoh sama iaitu kira-kira 32,444 kes.

Diikuti Selangor iaitu sebanyak 32,043 kes, Johor (8,124), Pahang (3,986), Pulau Pinang (3,606), Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (3,421) dan Perak (2,591).

Selain itu, kata KPKT, Sarawak pula mencatatkan sebanyak 763 kes kenderaan terbiar, manakala Kedah (712), Melaka (467), Terengganu (135), Kelantan (75) dan Perlis (54).

"Bagi tindakan sitaan atau penundaan pula, sebanyak 4,735 kenderaan telah diambil tindakan oleh PBT di Selangor, diikuti Johor (1,735), Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (1,679), Pulau Pinang (948) dan Pahang (929).

"Untuk tindakan perlupusan, PBT di Selangor telah melupuskan kira-kira 2,642 buah kenderaan diikuti Kuala Lumpur (957), Pulau Pinang (803), Pahang (340) dan Johor (170)," katanya.



PEMILIK kenderaan terbiar bakal dikenakan tindakan tegas oleh KPKT. – GAMBAR HIASAN

KPKT berkata, secara keseluruhan sepanjang tempoh tiga tahun itu, sebanyak 186,668 kes melibatkan kenderaan terbiar di seluruh negara.

Daripada jumlah itu, sebanyak 135,727 kenderaan dikompaun, manakala 35,007 notis dikeluarkan PBT di negeri masing-masing.

"Sepanjang tempoh itu juga, sebanyak 10,884 kenderaan terbiar ini telah ditunda atau disita dan 5,050 buah telah dilupuskan oleh pihak PBT di setiap negeri," katanya.

Mengulas lanjut, KPKT memaklumkan bahawa semua tindakan yang telah diambil oleh pihak PBT ke atas kenderaan terbiar itu berdasarkan Pekeliling Ketua Setiausaha KPKT Bilangan 2 Tahun 2020 bertarikh 13 Februari 2020.

KOSMO
Tarikh: 13 SEP 202

# Bisnes



KOS hartanah meningkat disebabkan pelbagai komponen seperti peningkatan bahan material, SST daripada enam kepada lapan peratus dan logistik.

Oleh Mahaizura Abd Malik
am@hmetro.com.my

# TAK BOLEH SUKA-SUKA NAIK HARGA

Hm 13/9

## *Pemaju hartanah berdepan peningkatan kos*

**Petaling Jaya**

Pemaju hartanah menegaskan bahawa pihaknya tidak boleh menaikkan harga kediaman sewenang-wenangnya walaupun berdepan peningkatan kos.

Presiden Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (Rehda), Datuk Ir Ho Hon Sang berkata, biarpun kos operasi seperti harga bahan asas pembinaan meningkat, peningkatan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) kepada lapan peratus dan kos pengangkutan, pemaju tidak boleh menaikkan harga sewenang-wenangnya.

"Kos hartanah sudah tentu meningkat disebabkan pelbagai komponen seperti peningkatan bahan material, SST daripada enam kepada lapan peratus dan logistik.

"Tetapi tidak boleh naikkan harga sewenangnya apatah lagi 40 peratus daripada projek dibangunkan pemaju seperti Residensi Wilayah Madani, Rumah Selangorku (RSKU) dan Rumah Mampu Milik Johor (RMMJ) berada pada harga kawalan.

"Kenaikan harga juga berlaku dalam tempoh enam bulan lalu, di mana segelintirnya (projek) sudah dilancarkan. Apabila pemaju sudah lancarkan, dia tidak boleh meningkatkan lagi harga," katanya pada sidang media selepas membentangkan hasil Tinjauan Industri Hartanah Separuh Pertama 2024 dan Tinjauan Pasaran Separuh Kedua 2024 dan Prospek Pasaran Separuh Pertama 2025 di Wisma Rehda di sini, semalam.



*"Keseluruhannya, separuh masa pertama semakin baik dan pemaju lebih berhati-hati dalam memutuskan projek yang hendak dijual"*

**Ho Hon Sang**

Beliau berkata, pemaju optimis untuk prospek pasaran pada masa hadapan.

"Untuk tawaran itu dilancarkan, sama ada pembeli atau pemaju akan menaikkan harga mereka atau tidak.

"Tetapi apa saya boleh katakan jika ada kenaikan, saya tidak fikir ia kenaikan melampau.

"Secara keseluruhannya, separuh masa pertama semakin baik dan pemaju lebih berhati-hati dalam memutuskan projek yang hendak dijual," katanya.

Katanya, tinjauan yang mengumpulkan maklum balas daripada 162 daripada lebih 1,500 ahli Rehda menunjukkan, unit yang dilancarkan meningkat tujuh peratus kepada 11,814 unit pada separuh pertama 2024 berbanding 11,032 unit pada separuh kedua 2023.

"Prestasi jualan juga mencatatkan pertumbuhan kecil dengan 13,445 unit dijual berbanding 12,017 unit pada separuh kedua 2023.

"Sebanyak 65 peratus atau 8,699 unit daripada jumlah unit tidak terjual pada separuh pertama 2024 dan selebihnya daripada pelancaran baharu pada separuh pertama 2024," katanya.

Ho berkata, jenis hartanah paling banyak dibeli ialah kediaman servis dan rumah teres dua hingga tiga tingkat.

"Walaupun tinjauan berkenaan tidak menggambarkan semua projek dilancarkan atau jualan yang dibuat dalam tempoh ditinjau, hasilnya menjadi petunjuk industri stabil walaupun berdepan pelbagai cabaran.

"Kami berharap aliran menaik akan berterusan dan mod pemulihan akan kekal lancar untuk pemain industri.

"Sebarang peningkatan dalam stok perumahan akan terus membantu menjadikan perumahan lebih mampu milik untuk rakyat," katanya.

HARIAN METRO
Tarikh: 13 SEP 2024

# AI, literasi digital strategi bersepadu elak scammer



Pensyarah Kanan Fakulti Komputeran dan Meta-Teknologi, Universiti Pendidikan Sultan Idris

Oleh Prof Madya Dr Shamsul Arrieya Ariffin
bhrencana@bh.com.my

**Jenayah** scammer semakin menjadi-jadi di seluruh dunia, termasuk di Malaysia. Malaysia mendokumenkan lebih 67,552 kes penipuan siber, mengakibatkan kerugian kewangan terkumpul melebihi RM2.23 bilion sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

Salah satu ciri penipuan siber ini ialah pancingan data menerusi e-mel atau mesej teks mengelirukan meniru organisasi sah. Tujuannya adalah menipu mangsa supaya mengklik pada pautan berbahaya atau mendedahkan maklumat sulit.

Terdapat peningkatan penipuan pelaburan, terutama dengan scammer membuat janji palsu untuk pulangan besar dalam pasaran untuk tempoh masa singkat.

MoneyGame misalnya menipu mangsa sebanyak RM1.2 bilion dan mangsa pula menganggap mereka akan memperoleh keuntungan kewangan pantas. Namun, bertentangan dengan jangkaan mereka, akhirnya kehilangan keseluruhan wang mereka.

Sementara itu, kerugian akibat penipuan percintaan mencatat lebih RM85 juta. Individu tertipu dengan janji cinta dan persahabatan sering memindahkan sejumlah besar wang kepada penipu menyamar sebagai orang kaya atau berpengaruh dari negara asing.

Pada masa sama, peningkatan populariti e-dagang turut mendorong kepada peningkatan transaksi dalam talian yang menipu. Sejumlah RM57 juta dilaporkan digelapkan scammer yang beroperasi di pasaran dalam talian seperti Lazada dan Shopee.

## Perhebatkan program literasi digital

Sebilangan besar individu, terutama warga emas dan individu masih mempunyai pengetahuan terhad terhadap teknologi, kurang kesedaran strategi penipuan siber seperti pancingan data dan laman web.

Justeru, program literasi digital perlu diperhebatkan bagi mendidik individu mengenai keselamatan dalam talian untuk mengurangkan individu menjadi mangsa dalam talian.

Situasi ini juga memerlukan kerjasama antara agensi penguatkuasaan undang-undang, institusi kewangan, penyedia telekomunikasi dan orang awam.

Pada masa sama, pihak berkuasa harus memperuntukkan sumber ke arah penggunaan teknologi termaju seperti kecerdasan buatan (AI) dan pembelajaran mesin (ML) untuk mengenal pasti dan menyerlahkan transaksi penipuan dengan kadar segera.

Namun, akauntabiliti peribadi memainkan peranan yang besar dalam mencegah penipuan di samping tindakan bersepadu kerajaan memerangi jenayah scammer ini.

Elakkan memindahkan dana menggunakan platform yang tidak selamat atau kepada individu tanpa mengesahkan kredibiliti mereka terlebih dahulu.

Penipu kerap menggunakan bahasa menarik untuk memaksa mangsa membuat keputusan segera. Rakyat harus memupuk amalan mengambil sedikit masa mengesahkan kesahihan sebarang permintaan dalam talian sebelum memberikan jawapan.

Kerajaan juga wajar mengambil contoh inisiatif Scamwatch Australia yang berfungsi sebagai ilustrasi utama strategi berjaya mencegah penipuan siber.

Singapura pula menubuhkan Pusat Anti-Scam (ASC) dan pengenalan aplikasi ScamShield, setakat ini sangat berkesan menghalang panggilan penipuan dan SMS palsu.

Atas faktor ini, rakyat sebenarnya bertanggungjawab mengurangkan risiko menjadi mangsa scammer secara proaktif dengan meningkatkan celik digital secara kendiri, melaksanakan kaedah pengesahan lebih mantap dan menggunakan pendekatan berhati-hati terhadap interaksi dalam talian.

BERITA HARIAN
Tarikh 13 SEP 2024

# *Bos sebenar penjawat awam adalah rakyat*

SEJAK Datuk Seri, Anwar Ibrahim mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri Ke-10 pada 24 November 2022, antara misi beliau ialah membawa reformasi dalam sistem penyampaian perkhidmatan awam.

Penyampaian perkhidmatan awam itu meliputi hal ehwal tadbir urus di semua agensi kerajaan untuk menawarkan khidmat tanpa birokrasi, berintergriti dan pantas seterusnya memberi keselesaan dan keyakinan kepada rakyat.

Contoh mudah mengenai sistem pemyampaian kepada rakyat adalah seperti orang awam berkunjung ke Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Pendidikan Daerah mahupun negeri, hospital, Jabatan Imigresen dan Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Selama ini ramai tidak tahu atau tidak berani untuk menegur kelemahan di agensi-agensi kerajaan yang tidak selari dengan matlamatnya. Staf di kaunter-kaunter kerajaan sepatutnya melayan, memahami, jadi pemudah cara sehingga isu dibawa pelanggan selesai.

Namun, apa yang dilalui sebelum ini, ada kalangan rakyat merungut, kecewa dan tidak selesa untuk berurusan di jabatan kerajaan kerana sistem penyampaian diguna pakai tidak memudahkan malah lebih buruk tidak mesra selain kakitangannya seolah-olah menunjukkan kuasa bahawa mereka adalah bos jadi anda kena ikut apa dikatakan.

Justeru, sepanjang urusan antara orang awam dan penjawat awam tidak harmoni sehingga ada yang melabelkan kakitangan kerajaan terlebih sudu dari kuah dan ada pula mendakwa mereka makan gaji buta.

Contoh, anda pergi ke pejabat tanah di sebuah negeri atau pejabat imigresen di mana-mana cawangan tetapi malangnya nombor giliran habis. Sebagai orang biasa kita akur perlu datang keesokan harinya. Jika tidak berpuas hati sekali pun kita sekadar merungut dengan diri sendiri kerana kita tetap kena berurusan dengan pejabat kerajaan untuk menyelesaikan isu kita. Jika anda berjaya mendapat nombor giliran sekalipun jangan gembira sangat kerana belum tentu isu dibawa anda boleh selesai pada hari sama. Maklumlah pengisian borang dan serahan dokumen kadang-kadang membebankan. Ramai yang melalui pengalaman sudah bawa MyKid atau MyKad, petugas kaunter minta pula surat beranak asli.

Kadang-kadang tercetus persoalan, apa guna sistem biometrik dalam sistem kerajaan jika tidak boleh digunakan? Ini antara contoh birokrasi kecil atau biasa yang dihadap rakyat setiap kali berurusan di kaunter kerajaan.

Sebelum ini, banyak kaunter kosong, atau kakitangan seperti hanya duduk di kaunter tanpa memanggil pelanggan. Itu antara pemandangan biasa sebelum ini. Jika ada pelanggan yang berani bertanya, jawapan petugas dengan muka teramat yakin `encik atau puan kena tunggu'.

Namun sejak Anwar memperkenalkan aspirasi Kerajaan Madani dan mengumumkan kenaikan gaji penjawat awam sehingga 15 peratus, sedikit demi sedikit urusan penjawat awam di agensi- agensi kerajaan menunjukkan perkembangan positif. Antara usaha yang terserlah apabila bos-bos imigresen mula turun mengejut ke beberapa cawangan imigresen. Ketika tinjauan itu orang nombor satu dan nombor dua imigresen itu tidak pula berlagak macam bos malah sangat prihatin dengan masa menunggu pelanggannya.

Dari situ, penjawat awam di semua agensi dimohon sila buang jauh-jauh perasaan 'superior' ketika berurusan dengan pelanggan sebaliknya diganti mereka adalah pekerja kepada rakyat dan rakyat adalah bos kepada mereka.

**Teon Eg ialah Pengarang Berita *Utusan Malaysia***

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh: 13 SEP 2024

# Cuaca buruk dijangka landa utara Semenanjung, barat Sabah hari ini

Oleh FITRI NIZAM
fitri.nizam@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Negeri di utara Semenanjung dan barat Sabah diramal dilanda hujan lebat beserta ribut petir dan angin kencang dalam tempoh yang lebih panjang bermula hari ini sehingga 18 September ini.

Pada masa sama, kawasan perairan di Laut China Selatan dan utara Selat Melaka juga akan dilanda angin kencang serta laut bergelora dalam tempoh sama.

Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia), Dr. Mohd. Hisham Mohd. Anip berkata, ramalan dikeluarkan berdasarkan analisis model cuaca yang mendapati potesi berlakunya penumpuan angin di utara Semenanjung dan barat Sabah pada tempoh tersebut.

"Keadaan ini berpotensi menghasilkan ribut petir beserta hujan lebat dan angin kencang dalam tempoh yang lebih panjang di kawasan tersebut serta angin kencang dan laut bergelora di perairan Laut China Selatan dan Selat Melaka Utara.

"Sehubungan itu, MET Malaysia telah mengeluarkan Amaran Angin Kencang dan Laut Bergelora bagi Laut China Selatan dan Selat Melaka Utara berkuat kuasa pada 13 hingga 18 September," katanya dalam kenyataan dikeluarkan semalam.

Bagaimanapun, Mohd. Hisham berkata, di negeri-negeri lain, cuaca ribut petir beserta hujan lebat dan angin kencang masih berpotensi berlaku sepanjang minggu ini.

Terdahulu, MET Malaysia mengeluarkan amaran angin kencang dan laut bergelora kategori pertama membabitkan perairan negara dalam lingkungan 25 batu nautika iaitu di Kedah, Perlis, Pulau Pinang, Sabah barat dan Labuan yang dijangka mengalami angin kencang berkelajuan 40 hingga 50 kilometer sejam.

Keadaan itu berpotensi mengakibatkan ombak berketinggian sehingga 3.5 meter yang berbahaya kepada bot kecil, aktiviti laut dan sukan laut.

Bagi sektor perkapalan, jabatan itu mengeluarkan amaran angin kencang dan laut bergelora kategori kedua membabitkan perairan utara Reef North dan Palawan yang membawa angin berkelajuan 50 hingga 60 kilometer sejam dengan ombak setinggi 4.5 meter.

Keadaan itu amat bahaya kepada semua aktiviti perkapalan dan pantai termasuk menangkap ikan serta perkhidmatan feri.

Bagi sektor sama, amaran angin kencang dan laut bergelora kategori pertama juga dikeluarkan membabitkan perairan Phuket, Selat Melaka utara, Condore, selatan Reef North, Layang-Layang, Labuan dan Sulu.

Semua keadaan itu dijangka melanda kawasan yang dikenalpasti mulai hari ini.



**PASUKAN** penyelamat memeriksa kawasan tanah runtuh ekoran Taufan Yagi di kampung Lang Nu, Wilayah Lao Cai di utara Vietnam semalam. – AFP

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh: 13 SEP 2024

# Mohon ambil tindakan segera

18/9 Uncom

**SAUDARA PENGARANG,**

**PADA** 8 September lalu, saya ke Pasar Klang di Selangor dan mendapati empat ekor anjing masuk ke dalam pasar yang menjual sayur-sayuran dan buah-buahan.

Sudah tentu umat Islam tidak selesa dengan keadaan ini kerana mungkin anjing liar ini membuang air besar dan kecil serta menghidu segala buah-buahan dan sayur-sayuran.

Sepatutnya pihak Majlis Perbandaran Klang (MPK) melakukan tangkap anjing liar yang semakin bertambah di Pasar Klang. Bahkan pejabat MPK juga tidak jauh dari pasar berkenaan.

Selain itu, di Lorong Sarkawi dan Lorong Bani di Jalan Kebun, Seksyen 30, Shah Alam terdapat bengkel kereta yang meletak kereta-kereta buruk sepanjang bahu jalan. Sudahlah jalan sempit, dalam masa sama tindakan itu akan menyusahkan pengguna lain.

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) diminta menyiasat pegawai dan pengarah Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA). Ini kerana telah banyak aduan dibuat, namun tiada sebarang tindakan diambil.

Sementara itu, pejabat tanah meminta agar warung-warung yang dibina kekal di sepanjang bahu jalan di Lorong Ehsan, Lorong Bani, Lorong Sarkawi dirobohkan, namun sehingga hari ini tiada sebarang tindakan diambil MBSA.

Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dimohon untuk membuat sekatan atau tangkapan di laluan masuk Jalan Kebun, Seksyen 30, Jalan Kampung Lombong, Kebun Baru, Teluk Panglima Garang kerana terdapat ramai warga asing yang bebas menunggang motosikal untuk mengutip barang lusuh, membawa lori, membawa kenderaan e-hailing dan berniaga makanan menggunakan motosikal di kilang-kilang berdekatan. seperti Panasonic Batu 3 dan lain-lain.

**AMEERA**
Shah Alam



**MOHON** siasat aduan-aduan daripada rakyat.
- GAMBAR HIASAN

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh: 13 SEP 2024

# Toxic businesses

13/9 NST

## How to make them pay for their crimes

HERE they go again in Johor, Sungai Kim Kim-like, polluting the earth, air and water. Give them fire and metal, the remaining elements, they will pollute them, too. These are hardcore incorrigibles. Fined or imprisoned, though this puzzlingly happens rarely, these rogue businessmen return to commit more of the same, with greater vengeance. Helped, of course, by greedy thug lorry drivers, who do the dumping on behalf of the unreformable men of dirty commerce. Yes, it is easier to catch the goons on wheels, but does this stop such environmental offences from recurring? It certainly does not. The source of the crime — the wayward factory operators and other perverse men of commerce — oftentimes escapes. If caught, it is just a slap on the wrist like in the case of Sungai Kim Kim. Plus statements by officials that the government can foot the bill, however well-intentioned they were, only encourage the defiant. The 2019 stench of Sungai Kim Kim— metaphorically speaking, that is, is still with us. Close to a 1,000 people affected by the chemical pollution of the river are still living with its after effects. Why should the victims pay for the crimes of businesses? And why should the government pick up the tab for cleaning up the mess of the criminals? One environmental expert, once a government officer, told this newspaper on Wednesday that the government spent several millions cleaning up Sungai Kim Kim. What is worse, the several millions remain unrecovered from the polluters. Not unexpected. On March 13, 2019, more than 2,000 people faced severe health issues. What is more, 111 schools were reported closed because of the chemical contamination. The victims, too, have yet to be compensated. Time for class action? Over the years, polluters have learned how to make the government and the people foot the bill for their toxic ways. Is it any surprise that the list of the incorrigible is a long one, and growing by the day, too?

> *The 2019 stench of Sg Kim Kim, metaphorically speaking, that is, is still with us.*

Cleaning up must mean more than restoring the rivers to their previous state. Pollution is a tale of before and after. Cleaning up after contamination has happened is very costly in more sense than one. 'Before" is best place to begin. And that place is at factories and business premises. For one, they shouldn't be located near rivers and waterways. Those which are already there must be relocated. Factories and business premises must be compelled to dispose of the contaminants in designated locations. The lament by greedy business operators is that disposing of contaminants is very costly. The government can incentivise the building of such disposal centres. But to use the lack of disposable centres as licence to pollute must be dealt with severely. Those who engage in commerce must know that any business has a cost. Those who can't afford it, should seek their fortune elsewhere.

Enforcement, too, must shoulder blame for the contamination of our rivers and waterways. The fact chemical pollution hasn't ended with Sungai Kim Kim is an indication that enforcement is anything but robust. Lack of manpower and equipment has often been blamed for weak and infrequent enforcement. If it is true, the government has to budget for this. It is less costly for the government to pay for more manpower and better equipment than spend millions every year for clean up.

NEW STRAITS TIMES
Tarikh: 13 SEP 2024

RENTING OF BUSINESS LICENCES

# Mat Sabu: Stop 'Ali Baba' practices to prevent foreigners controlling agriculture sector

**SERDANG:** Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu has expressed concern about the dominance of foreign labourers in Malaysia's agriculture sector.

He said some Malaysians have chosen to rent out their business licences to foreigners, leading to a monopoly by the group in the sector.

He said this practice must be stopped to ensure that the sector remained under the control of Malaysian entrepreneurs and workers.

The minister said "Ali Baba" (rent-seeking) practices were still prevalent.

"The licence belongs to 'Ali' (Bumiputera), but the work is done by 'Baba' (foreigners). Take, for example, padi fields. We have to seriously look at why farmers in Sekinchan, Selangor, can make it work.

"When our people work, they often lose focus. But when others do it, they can maintain focus all the way," he said.

"We don't want a repeat of past incidences. In the 1960s, 1970s, 1980s and 1990s, the Ali among the Bumiputera have the licences and are presented the opportunity (to do business), to be chairmen and more.

"However, the ones doing the work are the Baba.

"From the year 2000 onwards, Ali hasn't changed. Ali still gets the opportunities, the licences, the chairmanship, but the ones doing the work are the Bangladeshi."

Mohamad said this after officiating the Agro Madani 2024 Convention at Universiti Putra Malaysia here yesterday.

Earlier news reports had indicated that the supply chain of vegetable products were dominated by foreigners, who have established illegal farms.

The Federation of Malaysian Vegetable Farmers claimed that such activities had become widespread over the past five years.

Its chairman, Lim Ser Kwee, said the foreigners, comprising Indonesians, Bangladeshi and Rohingya, had established a supply chain from the farms, distribution and trading lots in major wholesale markets in the peninsula.

On another subject, Mohamad said the public need not be concerned about the safety of Malaysian fishermen in the South China Sea.

He said the situation was still safe and his ministry had not received any reports of incidents involving fishermen.

"There are no problems involving fishermen. So far, I have not received any reports of disturbances to fishermen. God willing, we will resolve this dispute through diplomatic channels.

"The government is capable of resolving it," he said in response to concerns following reports of incursions by Chinese Navy and Coast Guard vessels in Malaysia's Exclusive Economic Zone waters recently.

NEW STRAITS TIMES
Tarikh: 13 SEP 2024